

Serbuan bongkar helah pintu rahsia belakang pusat hiburan

23 Mei 2022

Serbuan bongkar helah pintu rahsia belakang pusat hiburan

Kuala Lumpur: Helah sebuah pusat hiburan di Bukit Bintang, di sini menggunakan pintu rahsia di belakang premis sebagai laluan masuk pelanggan selepas tempoh waktu operasi dibenarkan, terbongkar apabila dikesan pihak berkuasa.

Serbuan di premis berkenaan dilakukan sepasukan pegawai dan anggota Bahagian Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat (D7) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman pada jam 12.40 tengah malam kelmarin.

Ketua Penolong Pengarah D7 Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Mohamad Noor Yusof Ali, berkata 19 individu ditahan dalam serbuan itu, termasuk 13 wanita warga asing yang dipercayai bekerja sebagai wanita pelayan pelanggan (GRO).

"Dalam serbuan itu, kami menahan 13 GRO membabitkan 12

wanita dari negara jiran dan seorang wanita dari Eropah Timur yang berusia antara 22 hingga 38 tahun.

"Selain itu, kami turut menahan enam individu tempatan membabitkan pemilik premis, pengurus, penjaga kaunter serta pekerja di pusat hiburan berkenaan berusia antara 27 hingga 53 tahun.

"Kami turut melakukan pemeriksaan terhadap 34 pekerja serta 89 pelanggan yang berada di dalam premis berkenaan ketika serbuan dengan dua daripada pelanggan yang diperiksa didapati positif dadah jenis methamphetamine," katanya.

Mohamad Noor berkata, pre-

mis berkenaan didapati menyambung waktu operasi perniagaan sehingga jam 8 pagi, iaitu melebihi tempoh masa yang dibenarkan pihak berkuasa sehingga jam 12 tengah malam saja.



Mohamad Noor

"Bagi mengaburi mata pihak berkuasa, pusat hiburan itu menggunakan pintu rahsia di belakang untuk pelanggan keluar dan masuk selepas jam 12 tengah malam dengan hanya membenarkan pelanggan tetap untuk masuk.

"Malah, premis itu didapati mempunyai beberapa laluan khas lain yang menuju ke kawasan luar serta parkir untuk pelanggan serta GRO melarikan diri dengan ke-

luar dari premis berkenaan semasa serbuan dilakukan," katanya.

Beliau berkata, premis itu juga menyediakan perkhidmatan GRO warga asing yang hanya akan dibawa masuk ke dalam bilik karaoke oleh ejen sekiranya pelanggan bersetuju.

Katanya, pelanggan akan membuat pemilihan GRO menerusi gambar menerusi aplikasi WhatsApp yang ditunjukkan oleh kapten yang juga pekerja pusat hiburan berkenaan dengan kadar bayaran ditetapkan.

"Kadar bayaran dikenakan bagi GRO warga adalah antara RM1,280 hingga RM2,080 untuk tempoh lima jam pertama dengan bayaran tambahan RM100 setiap jam dikenakan bagi sambutan masa langganan.

"Selepas pintu sempadan negara dibuka, bukan sahaja GRO

dari negara jiran, malah ada GRO dari negara Barat datang ke Malaysia," katanya.

Menurutnya, pusat hiburan itu mempunyai kira-kira 20 bilik karaoke mengikut saiz kecil, sederhana dan besar dengan kadar bayaran bermula dari RM2,200 hingga RM8,000.

"Semua individu yang ditahan dan barang dirampas akan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi untuk proses dokumentasi serta siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, Peraturan 39b Peraturan-Peraturan Imigresen 1963, Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63, Seksyen 6(1)(c), Seksyen 15(1)(c) akta sama serta Seksyen 3 Akta Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1992," katanya.